

Headline **Tambah sakit kronik**  
Date **15 Jul 2011**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **10**  
Article Size **165 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **7,269**  
PRValue **21,807**



# 'Tambah sakit kronik'

## Pencarum boleh keluar KWSP untuk kos rawatan

Oleh Nazura Ngah

[nazura@bharian.com.my](mailto:nazura@bharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Pesakit Aids dan 15 penghidap penyakit lain dibenarkan mengeluarkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada Akaun Dua di bawah Pengeluaran Kesihatan bagi mengurangkan beban membayar kos rawatan perubatan, berkuatkuasa hari ini.

Penyakit lain adalah pulmonari obstruktif kronik teruk (COPD), bronkiektasis, fibrosis paru-paru, apnoea tidur obstruktif, radang usus kronik, kalkuli ginjal memerlukan intervensi pembedahan serta abnormaliti urinari kongenital memerlukan intervensi pembedahan segera dan major.

Turut dibenarkan membuat pengeluaran menerusi skim KWSP itu adalah penyakit sklerosis sistematik dengan hipertensi pulmonari, limfoma, talesemia major memerlukan agen

pengkelat, pemindahan sel stem hematopoetik serta tiga penyakit mental iaitu skizofrenia, mood bipolar dan kemurungan major.

Tambahan 16 penyakit itu dimasukkan ke dalam senarai penyakit kritikal selepas Faedah Pengeluaran Kesihatan dikaji semula yang menyaksikan peningkatan daripada 39 kepada 55 jenis penyakit.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Tan Sri Azlan Zainol, berkata di bawah Pengeluaran Kesihatan, ahli boleh mengeluarkan simpanan daripada Akaun Dua bagi membayar kos rawatan perubatan penyakit kritikal untuk diri sendiri atau keluarga termasuk pasangan, anak, anak tiri atau anak angkat yang sah, ibu bapa, ibu bapa mentua, ibu bapa tiri atau ibu bapa angkat yang sah serta adik beradik.

KWSP turut membenarkan ahli membeli peralatan bantuan kesihatan untuk merawat penyakit kanser, kardiovaskular, sistem respiratori, sistem saraf, sistem muskuloskeletal dan telinga.

### FAKTA

#### Tambahan 16 penyakit kritikal

- Aids
- Pulmonari obstruktif kronik teruk (COPD)
- Hipertensi pulmonari sekunder
- Bronkiektasis
- Fibrosis paru-paru
- Apnoea tidur obstruktif
- Penyakit radang usus kronik
- Kalkuli ginjal memerlukan intervensi pembedahan
- Abnormaliti urinari kongenital memerlukan intervensi pembedahan segera dan major
- Sklerosis sistematik dengan hipertensi pulmonari
- Limfoma
- Talesemia major memerlukan agen pengkelat
- Pemindahan sel stem hematopoetik
- Skizofrenia
- Mood bipolar
- Kemurungan major